

BAB I

PENDAHULUAN

1.0. Pengenalan .

Riau merupakan salah satu provinsi yang berada dalam kesatuan negara Republik Indonesia. Daerah Riau banyak terdapat pulau-pulau kecil yang dipisahkan oleh laut. Ibu kota Riau adalah Pekanbaru, di mana Pekanbaru merupakan suatu kota atau bandar tempat tinggal seorang Gabenor pimpinan provinsi Riau.

Kajian ini merupakan kajian teks. Teks ini dikarang oleh seorang sasterawan atau pengarang yang kurang terkenal di daerahnya iaitu Riau, sementara itu ia tidak mempunyai *inventori* yang lengkap dari hasil karya-karyanya yang telah diterbitkan oleh media cetak sehingga, setiap karya-karyanya yang sudah terbit, pengarang sendiri tidak ada dokumen peribadi atau tinggalan untuknya, pendek kata karya-karyanya lebih banyak dimiliki orang lain daripada dirinya sendiri, sehingga penulis mendapat kesulitan dalam mengumpulkan bahan karangannya.

Daripada bab ini penulis akan menjelaskan beberapa kajian tentang, 1. Latar Belakang Kajian, 2. Batasan Kajian, 3. Rumusan Kajian, 4. Dasar Pandangan Dan Kerangka Kajian, 5. Asumsi Dan Hipotesis, 6. Sumber Data dan Metodologi, 7. Tujuan Kajian, 8. Tinjauan Kajian Terdahulu, 9. Penutup

1.1. Latar Belakang Kajian .

Karya sastera merupakan bahagian daripada seni, sedangkan seni merupakan bahagian daripada kebudayaan. Oleh yang demikian dapat ditafsirkan bahawa karya sastera merupakan suatu produk daripada kebudayaan. Suatu produk daripada kebudayaan karya sastera diciptakan oleh manusia yang merupakan makhluk berbudaya. Karya sastera dapat pula memberi khazanah ilmu pengetahuan yang beraneka ragam kerana karya sastera merupakan cerminan daripada kenyataan dan kebudayaan suatu bangsa persukuan .

Ada sebuah pendapat yang menyebutkan “Sastera adalah cerminan masyarakat”. (Sapardi Djoko Damono, 1983:22). Pendapat ini menjelaskan bahawa sastera mencerminkan suatu persoalan sosial yang ada dalam masyarakatnya. Kajian yang penulis paparkan ini, merupakan penggalian daripada sastera lama yang ditulis dalam bentuk cerita rakyat dan roman sejarah karya daripada B. M. Syamsuddin (Alm).

Pada mulanya merupakan sastera lisan yang tersebar di Kepulauan Riau Indonesia, yang mengandungi pandangan hidup dan falsafah bangsa yang bernilai tinggi dan mulia.

Cerita rakyat dan roman sejarah karya B. M. Syamsuddin ini pada mulanya merupakan sastera lisan yang disampaikan melalui cerita seorang penglipur lara atau tukang cerita. Cerita ini kalau tidak didokumentasikan tentu akan menjadi kabur bahkan boleh hilang dan punah.

Oleh kerana saat ini di daerah Riau sudah sangat sulit ditemukan tukang cerita atau penglipur lara, kerana kepandaian seperti ini jarang diwariskan pada generasi penerusnya, bukan itu saja adakalanya generasi itu yang tidak mahu menerima warisan kepandaian bercerita sehingga pada masa ini sangat sulit ditemui tukang cerita.

Daripada itu sekarang tinggal menelaahnya sahaja, apakah Almarhum B. M. Syamsuddin dapat memenuhi syarat yang dituntut oleh ilmu sastera atau ilmu karang mengarang pada saat ini. Roman sejarah dan cerita rakyat karya almarhum B. M. Syamsuddin ini mengambil latar belakang daripada cerita rakyat Melayu kepulauan Riau Indonesia, di daerah Pulau Tujuh .

Keunikan yang terdapat pada roman sejarah dan cerita rakyat, serta cerita pendek almarhum B. M. Syamsuddin ini adalah, tokoh ceritanya selalu mempunyai masalah-masalah yang dihubungkaitkan dengan perjuangan kerajaan atau penguasa. Dalam karyanya almarhum B. M. Syamsuddin, bercerita bahawa sang tokohnya selalu diserang dengan persoalan atau masalah yang tidak putus-putusnya .

Dalam menentukan struktur daripada sebuah karya sastera bukanlah suatu perkerjaan yang mudah, melainkan suatu pekerjaan yang rumit dan berbelit, kerana kita harus berhadapan dengan falsafah serta lingkungan hidup seorang pengarangnya. Dalam melihat pandangan hidupnya dan melihat karya sasteranya serta mengetahui lingkungan hidupnya, maka kita akan mengerti dengan simbol-simbol yang dipergunakan dalam karya sasteranya.

Karya B. M. Syam (nama sehari-hari) tergambar watak orang Melayu yang penuh dengan budi pekerti dan sopan santun yang tinggi, selain itu juga tergambar watak jahat, kelicikan sifat iri dan dengki yang ada terdapat dalam jiwa orang Melayu.

Dalam menulis B. M. Syam hanya mempelajari teknik menulis di masa sekolah sahaja. Pada kajian ini penulis akan mengkaji atau menelaah karyanya dalam bentuk cerita rakyat, roman sejarah, dan cerita pendek, untuk mengetahui pandangan hidup pengarang.

1.2. Batasan Kajian

Kalau bercakap mengenai karya sastera, tidak boleh meninggalkan atau terlepas daripada unsur-unsur yang membangun karya sastera itu sendiri. Struktur karya sastera itu secara garis besar dapat dibahagi dua iaitu Struktur daripada dalam (*Intrinsik*) dan Struktur daripada luar (*Ektrinsik*). Dilihat daripada kajian intrinsik, akan dihadapkan dengan persoalan tema, alur (plot), set (latar), perwatakan, gaya, dan hubungan sistematis antara tokoh.

Kalau kita berbincang tentang unsur luar maka yang dapat dilihat iaitu yang mempengaruhi karya sastera tersebut misalnya, faktor sosial, ekonomi, kebudayaan dan tata nilai yang dianut oleh masyarakat. Kalau dilihat daripada kedua unsur tersebut, maka struktur daripada karya-karya sastera B. M. Syam dapat dianalisis dengan menggunakan beberapa disiplin ilmu seperti ilmu sastera, bahasa, antropologi/sosiologi, falsafah dan disiplin ilmu lain yang mendukung kajian ini .

Ilmu antropologi sangat mendukung dalam kajian ini kerana ilmu ini membicarakan mengenai kebudayaan yang ada hubungannya dengan masyarakat, seni tradisional dan lainnya. “Seni adalah kemampuan seseorang atau kelompok untuk menciptakan berbahagai hal dengan melalui salah satu unsur pancaindra”. (Dick Hartoko, 1984;2). Ilmu sastera sangat memegang peranan penting dalam kajian ini kerana sastera merupakan titik tumpu dalam kajian ini, dalam berkarya dipandang sejauh mana pengarang menguasai dan mendalamai teori-teori sastera serta seberapa padat nilai sastera dalam karyanya.

Ilmu bahasa sangat berfungsi sekali seperti bahan bandingan dengan karya sastera lainnya. Penulis akan melihat bahasa yang dipergunakan oleh B.M. Syam, serta gayanya dalam menyampaikan ide kepada khalayak. Ilmu falsafah merupakan seperti tolak ukur dalam melihat cara hidup sang pengarang serta keteguhan yang dianutnya sesuai dengan sosio kultural pengarang dan falsafah hidup yang dianut oleh pengarang.

Selain itu dalam memberi nama tokoh B. M. Syam juga masih memberi nama berupa nama kampung atau kedaerahan yang sering dihubungkan dengan agama dan erti nama orang tua atau gelar diri seperti Siros pendek, yang bererti Siros yang berbadan pendek.

Daripada sini dapat kita seasati apakah dalam memberi nama tokoh itu ianya mempunyai maksud-maksud tertentu atau merupakan simbol-simbol yang terselubung yang ingin disampaikan pengarang. Ini termasuk pada objek kajian yang akan penulis kaji. Daripada nama tokoh kita juga dapat melihat watak yang akan dibawakan dalam lakon cerita, seperti Raja Barok, Pak Awang, Damak, Jalak dan Wak Bomo.

Seperti seorang yang menganut agama Islam yang taat dan menjalankan seruhan Allah SWT, B. M. Syam tidak lupa memasukkan unsur-unsur agama ke dalam karyanya, ini dibuktikan dengan tokoh-tokoh yang diberi nama alim ulama diikut sertakan karyanya, menceritakan masalah perkembangan agama Islam di Kepulauan Melayu. Begitu juga dengan tokoh utama yang selalu bertindak tanduk dengan didasari atau dibekali agama Islam yang kuat.

Kajian ini perlu penulis batasi, kerana terlalu luasnya cakupan dalam penelaahan dan terbatasnya sarana serta prasarana dalam kajian dan penelitian. Tujuan untuk membatasi kajian ini adalah untuk menghindari simpangsiur dalam penelaahan dan salah penafsiran serta untuk memperjelas gambaran permasalahan .

Supaya kajian ini dapat dilaksanakan dengan baik serta memuaskan, maka penulis membatasi seperti berikut;

1. Penulis hanya mengkaji struktur daripada tiga roman sejarah karya B. M. Syamsuddin daripada sisi intrinsiknya. Tajuk roman sejarah yang akan penulis kaji itu adalah;
 1. *Damak dan Jalak*, (PN Balai Pustaka Jakarta 1983)
 2. *Tun Biajid I dan II* , (PN Balai Pustaka Jakarta 1984)
 3. *Braim Panglima Kasu Barat*, (PN Balai Pustaka Jakarta 1984)
2. Penulis juga akan mengkaji daripada sisi ektrinsik ditinjau daripada segi sosial dan budaya.
3. Penulis juga akan mengkaji struktur interinsik daripada karya B. M. Syamsuddin yang berbentuk cerpen dan cerita rakyat. Tajuk daripada cerita rakyat dan kanak-kanak yang akan menjadi bahan kajian adalah :
 1. “Sikelincing Dengan Sepasang Terompah Nek Gasi”
(Balai Pustaka 1981 Jakarta)
 2. “Batu Belah Batu Bertangkup” (Balai Pustaka 1982 Jakarta)
 3. “Asal Usul Nama Kota Pekanbaru” (PT Grasindo 1993 Jakarta)

4. "Mambang Linau" (PT Grasindo 1993 Jakarta)
5. "Batang Tuaka" (PT Grasindo 1993 Jakarta)
6. "Datuk Patih" (PT Grasindo 1993 Jakarta)
7. "Awang Garang" (PT Grasindo 1993 Jakarta)

Adapun tajuk daripada cerita pendek yang akan menjadi bahan kajian adalah :

1. "Pemburu Rusa Sepanjang Pipa" (*Kompas Minggu* 2 Juni 1992)
2. "Jiro San Tak Elok Menangis" (*Kompas Minggu* 12 Juli 1992)
3. "Dan Selesailah" (*Riau Pos Minggu* 5 Mai 1992)
4. "Batam Pemburuan" (Yayasan Sagang 1997)
5. "Taikong" (Yayasan Sagang 1997)
6. "Gadis Berpalis" (Yayasan Sagang 1997)
7. "Cengkeh Pun Berbunga Di Natuna" (Yayasan Sagang 1997)

1.3. Rumusan Kajian

Sebahagaimana yang telah penulis paparkan di atas bahawa pada kajian ini akan menganalisis struktur daripada karya-karya B. M. Syamsuddin (Alm). Daripada huraian di atas maka akan timbul pertanyaan daripada pembaca dalam menanggapi masalah ini, bagaimana bentuknya cerita karya-karya B. M. Syamsuddin, dengan gaya bagaimana B. M. Syamsuddin bercerita dalam karyanya. Semua ini tentu akan menarik bagi kita untuk dikaji. Keunikan-keunikan akan ditemui nantinya, serta akan bermanfaat bagi kemajuan dan perkembangan kesusasteraan kita. Maka secara sistematis kajian terhadap masalah ini dapat dirumuskan secara jelas dan memberikan suatu penegasan. Rumusan itu seperti berikut;

1. Apakah karya-karya B. M. Syamsuddin mempunyai struktur yang baik dan kronologis ?
2. Apakah karya-karya B. M. Syamsuddin betul-betul dapat memberikan gambaran kehidupan masyarakat kepulauan Riau Indonesia.?
3. Apakah pengarang mempunyai tujuan tertentu dalam berkarya ?
4. Nilai apa yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam berkarya ?
5. Sejauh mana pengarang mempertahankan stail (cara) dalam karya-karya terbarunya.

1.4 . Dasar Pandangan Dan Kerangka Kajian

Pembahasan mengenai karya sastera tidak akan terlepas daripada situasi lingkungan pengarang, yang mempengaruhi lahirnya suatu karya sastera. Dalam kenyataannya, karya sastera itu selain mempunyai nilai estetik yang tinggi juga mempunyai nilai praktis dalam kehidupan sosial masyarakat. Karya sastera itu lahir dan berkembang daripada kondisi-kondisi sosial masyarakat, salah satu diantaranya adalah diri pengarang itu sendiri.

“Bagaimanapun juga proses lahirnya suatu karya sastera tentu telah ada yang mendorongnya, ragam yang telah melatarbelakanginya kreativitas itu lahir. Keadaan masyarakat dan lingkungan, rasa tanggung jawab pengarang akan manusia , dan pengabdiannya terhadap Tuhan, faktor yang cukup berpengaruh terwujudnya karya sastera itu.” (UU. Hamidy. 1987:7).

Masalah-masalah yang ada dalam masyarakat juga, kebudayaan yang makin berkembang, sehingga membuat pihak sastera dan pengarang mengambil perkembangan dan kesempatan itu untuk berkarya. “ Untuk memahami sebuah karya sastera, pembaca harus mempunyai beberapa sistem kode, baik kode bahasa, budaya maupun kode bersastera yang khas” (A.Teeuw 1982:15).

Berdasarkan pandangan di atas dapat dilihat bahwa dalam suatu karya sastera, bahasa merupakan suatu alat yang vital dalam menyampaikan tujuan pengarang, simbol budaya merupakan hal yang bernilai khusus dalam berkarya, serta bersastera merupakan kemampuan pengarang dalam berkarya .

“Tema merupakan gagasan sentral daripada sebuah karangan, topik pokok daripada pembicaraan atau tujuan yang akan dicapai oleh pengarang, dengan topiknya tadi”. (Atar Semi 1984:35). Jadi tema merupakan hal yang paling pokok atau sentral daripada karangan. Pendapat ini sangat mendasar sekali dalam menentukan tema pada kajian ini. Karangan akan menjadi tak menentu dan tujuan tidak akan tercapai kalau tidak didasari dengan tema.

Dalam sebuah cerita ada beberapa peristiwa yang disajikan dalam urutan waktu tertentu. Peristiwa yang akan diurutkan akan membangun jalan cerita, hal ini akan kita namakan dengan alur atau plot.

“ Sesungguhnya pengaluran adalah suatu urutan penampilan peristiwa untuk memenuhi beberapa tuntutan” (Sudjiman, 1986:4). Kalau dilihat pendapat di atas maka alur merupakan unsur yang dapat memperindah cerita di luar bahasa yang dipergunakan pengarang. Seandainya alur itu jelas maka pembaca akan cepat mengerti maksud yang hendak disampaikan pengarang.

“Pada dasarnya karya sastera itu merupakan salah satu kegiatan pengarang, membahasakan sesuatu atau menuturkan suatu pikiran, gagasan yang berbentuk sebuah cerita pada orang lain” (Atar Semi 1984:38)

Bahasa dalam suatu cerita harus ada, namun setiap pengarang mempunyai cara tersendiri dalam menyampaikan bahasa yang ada dalam karangannya. Gaya penceritaan yang dimaksud adalah tingkah laku pengarang dalam menggunakan bahasa. Bentuk bahasa yang digunakan dalam bertutur ada dua iaitu bahasa lisan dan bahasa tulisan.

“Latar adalah, latar belakang fisik, unsur tempat, dan ruang dalam suatu cerita “ (Brook, Et-al, 1952 :819). Tujuan daripada latar itu dapat dilihat setelah kita membaca atau menikmati sebuah karya sastera. Berdasarkan pendapat di atas, maka latar dapat kita katakan seperti sebuah tempat kejadian dalam sebuah cerita, yang telah ditentukan oleh pengarang sendiri.

Perwatakan seorang tokoh dalam sebuah cerita tidak kalah pentingnya dengan unsur lain. Sebab tokoh tanpa perwatakan akan menyebabkan cerita itu hambar, seperti yang dikatakan oleh Panuti Sudjiman

"Watak adalah kwalitas tokoh, kwalitas nalar, dan jiwanya dalam suatu ceritera yang membedakan dirinya daripada tokoh lain".(Sudjiman 1986: 6)

Penokohan memang penting bahkan lebih penting daripada pengaluran. Dalam kontek kepentingan alur dan penokohan lebih diutamakan. Dalam sebuah cerita antara tokoh dan perwatakan merupakan satu struktur yang memiliki fisik dan mental secara bersama-sama membentuk kualiti perilaku yang bersangkutan.

Segala tindakan dan perilaku merupakan hal yang logis. Sesuatu hubungan yang boleh diterima oleh akal, walaupun apa yang dinamakan akal itu relatif sifatnya. Hubungan yang logis antara satu dengan yang lainnya dalam suatu karya fiksi lahir dalam suatu hukum sebab akibat, yang mempunyai ikatan waktu.

Nilai ektrinsik dalam kajian ini meliputi sosial budaya dan penggambaran masyarakat. Masalah ini marilah dilihat sebuah kutipan daripada hasil seminar yang diadakan di Universiti Gajah Mada Yogyakarta Indonesia tarikh Ogosustus 1981. Sebagai pembawa makalah adalah " Kho Ping Ho" dengan tajuk adalah "*Peristiwa dan karya sastera dengan masyarakat*" :

"Tentu saja terdapat perbedaan pokok antara penulisan sejarah dengan penulisan sastera. Sejarah merupakan catatan peristiwa di masa lampau. Oleh kerananya penulisan sejarah harus berdasarkan kenyataan dan bukti-bukti- sejarah yang sah. Sebaliknya penulisan karya sastera /fiksi hanyalah hasil imajenasi, sedangkan peristiwa sejarah dan tokohnya yang terdapat dikarangan itu hanyalah seperti latar belakang saja.

(*Budaya sastera*, Zeoltom Andy: Kho 1981-2-16).

Berbagai alasan dapat mendorong seseorang untuk melihat keadaan sosial suatu masyarakat dengan membaca suatu karya sastera. Diambil satu contoh, kalau membaca karya sastera Melayu, maka akan didapat khazanah mengenai sikap dan perilaku seseorang atau sekumpulan masyarakat Melayu.. Sastera semacam ini tidak menentang masyarakat, melainkan memberi khabar tentang berbagai bentuk corak hidup tertentu daripada masyarakat itu.

1.5. Asumsi dan Hipotesis

Asumsi yang diambil daripada pandangan yang telah dikemukakan merupakan upaya untuk mencari nilai-nilai sastera, tepatnya nilai moral dalam karya sastera roman sejarah karya B. M. Syamsuddin ini. Berdasarkan penjelasan yang telah penulis paparkan di atas, maka dapatlah ditemukan hipotesis seperti jawapan sementara seperti mana di bawah ini;

1. Karya-karya B. M. Syamsuddin mempunyai susunan yang baik dan ceritanya tersusun secara berurutan
2. Daripada tiga judul roman sejarah karya B. M. Syamsuddin iaitu *Damak dan Jalak*, *Braim Panglima Kasu Barat*, dan *Tun Biajid I-II*. Dan beberapa cerpen serta cerita rakyatnya dapat memberikan gambaran dan cerminan sebahagian daripada kehidupan sosial masyarakat Melayu Kepulauan Riau Indonesia.
3. Pengarang mempunyai tujuan tertentu, terutama ingin menyampaikan perjuangan dan keberadaan lingkungan kehidupan yang telah dilakukan oleh bangsa Melayu dalam mempertahankan maruah dan negeri daripada penjajahan bangsa lain.
4. Karya-karya B. M. Syamsuddin mengandung nilai-nilai budi pekerti, pendidikan, nilai agama, serta perjuangan dan kesetiaan.

1.6. Sumber Data dan Metodologi

Untuk lebih mengkhususkan dan lebih memudahkan dalam penulisan serta pengertian, maka penulis menggunakan teknik pengumpulan data yang mendukung atau teknik dokumentasi iaitu mengumpulkan buku-buku yang berhubungkait dengan kajian ini. Seperti populasinya adalah semua karya - karya B. M. Syamsuddin yang sudah dibukukan .

Sedangkan contoh daripada cerita rakyat dan cerita kanak- kanak adalah,

1. “Sikelincing Dengan Sepasang Terompah Nek Gasi” (Balai Pustaka 1981 Jakarta)
2. “Batu Belah Batu Betangkup” (Balai Pustaka 1982 Jakarta)
3. “Asal Usul Nama Kota Pekanbaru” (PT Grasindo1993 Jakarta)
4. “Mambang Linau” (PT Grasindo 1993 Jakarta)
5. “Batang Tuaka” (PT Grasindo 1993Jakarta)
6. “Datuk Patih” (PT Grasindo 1993 Jakarta)
7. “Awang Garang” (PT Grasindo 1993 Jakarta)

Sedangkan seperti contoh daripada romannya adalah tiga buah roman sejarah yang berjudul :

1. *Damak dan Jalak* (Balai Pustaka 1983 Jakarta)
2. *Tim Biajid I dan II* (Balai Pustaka 1984 Jakarta)
3. *Braim Panglima Kasu Barat* (Balai Pustaka 1984 Jakarta).

Contoh daripada karyanya yang berbentuk cerpen adalah:

1. "Pemburu Rusa Sepanjang Pipa" (*Kompas* minggu 2 juni 1991)
2. "Jiro San Tak Elok Menangis" (*Kompas* minggu 12 Juli 1992)
3. "Dan Selesailah" (*Riau pos* minggu 5 Mei 1992)
4. "Batam Pemburuan" (Yayasan Sagang 1997)
5. "Taikong" (Yayasan Sagang 1997)
6. "Gadis Berpalis" (Yayasan Sagang 1997)
7. "Cengkeh Pun Berbunga di Natuna" (Yayasan Sagang 1997)

Pengambilan contoh yang penulis lakukan ini, adalah untuk lebih memfokuskan kajian pada karya-karya B. M. Syamsuddin. Contoh yang penulis ambil merupakan karya-karya B. M. Syamsuddin yang penulis anggap dapat mewakili daripada semua karyanya baik berupa roman, cerpen maupun cerita kanak-kanak atau cerita rakyat. Selain mempergunakan metode dokumentasi penulis

juga mempergunakan metode teknik temu bual dengan kerabat terdekat juga keluarga guna memperjelas kajian .

1.7. Tujuan Kajian.

Secara umum kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran kehidupan sosial masyarakat Melayu Kepulauan Riau Indonesia dan struktur daripada karya-karya B. M. Syamsuddin serta memberikan pemahaman tentang nilai, pendidikan, budi pekerti, agama serta nilai sastera yang ada terkandung di dalam karya-karya beliau tersebut.

Dalam bidang pendidikan, khususnya dalam bidang apresiasi sastera dapat memberikan masukkan daripada segi pembinaan tentang apresiasi sastera. Selain itu kajian ini bertujuan untuk para peminat yang lain ingin mengetahui secara mendalam daripada karya B. M. Syamsuddin ini.

Dalam kajian ini penulis juga tertarik akan struktur yang ada dalam karya-karya beliau tersebut. Apakah struktur yang ada dalam karya itu baik atau tidak ? Inilah yang akan penulis kaji, kerana B.M.Syam merupakan seorang pengarang yang bersifat semulajadi tentu dalam berkarya ianya hanya berpedoman pada sumber mitos, perasaan, dan pengalaman.

Karya sastera harus mempunyai struktur dan tujuan yang *estetik* (indah) dan *kohorensi* (sesuai) secara keseluruhan dan *epik* (*selaras*). Sastera harus mempunyai kaitan dengan kehidupan. Kehidupan dalam karya sastera dapat diperindah dan diburukkan atau bertolak belakang dengan kenyataan. Bertolak daripada gambaran di atas sebab keterangan panjang dalam hasil karangan itu, penulis ingin menganalisis nilai-nilai apa yang terdapat dalam karangan itu, salah satu cara untuk mengungkapkannya adalah dengan penelitian.

Dalam menganalisis struktur karya B. M. Syamsuddin ini, penulis berusaha mengumpulkan semua karya-karya beliau. Usaha ini bertujuan untuk menginventori karya putra daerah Riau Indonesia yang kurang terkenal di lingkungan masyarakatnya sendiri.

Dalam kajian ini penulis juga akan mengkaji hubungan timbal balik antara unsur intrinsik dan ektrinsik yang nantinya akan dapat mencerminkan sikap perilaku dan adat istiadat orang Melayu Kepulauan Riau Indonesia umumnya dan pulau tujuh khususnya, berdasarkan cerita karya sasteranya. Daripada ini dapat dilihat gambaran perwatakan tokoh baik tokoh antagonis maupun tokoh protagonis. Kalau dilihat daripada tujuan khususnya daripada kajian ini adalah untuk memberikan ketegasan tentang sebahagian gambaran budaya yang ada dalam masyarakat Melayu kepulauan Riau, yang dapat huraiakan seperti berikut:

1. Melihat gambaran kehidupan sosial masyarakat Melayu Riau Indonesia
2. Membantu mengumpulkan karya jati diri putra Riau yang tidak dikenal ini dan sudah hampir hilang.
3. Melalui kajian ini pembaca dapat melihat dan memahami sebahagian daripada nilai kebudayaan, keperibadian, pendidikan, dan nilai adat istiadat Melayu Kepulauan Riau Indonesia
4. Seperti bahan inventori terhadap teks-teks sastera yang mempunyai nilai-nilai keMelayuan, dalam rangka membantu penelitian selanjutnya yang lebih mendalam, tentang lingkungan Melayu.

1.8. Tinjauan Terhadap Kajian-Kajian Terdahulu.

Pengamatan sepintas atau penelitian yang mendalam mengenai kajian Karya-karya B.M Syamsuddin Almarhum. Memang sudah ada dilakukan, namun penelitian mengenai analisis intrinsik dan ektrinsik belum ada dilakukan oleh peneliti lain. Penelitian yang penulis lakukan ini bukanlah sifatnya mengulang penelitian terdahulu kerana objek penelitian berbeza jauh daripada apa yang dilakukan sekarang.

Dalam mengadakan penelitian ini penulis ada mengambil penelitian terdahulu seperti panduan atau seperti pedoman untuk memperdalam kajian ini atau penelitian yang penulis adakan, terutama dalam hal penelitian struktur sebuah karya fiksyen. Penelitian yang dapat di inventori sebagai panduan adalah :

- Sulastin Sutrisno, 1983. *Hikayat Hang Tuah* " Analisa Struktur Dan Fungsi " Gadjah Mada University Press Yogyakarta

Pembahasan.

Dalam *Hikayat Hang Tuah* ini, penulis mengambil suatu penelaahan bahawa peneliti teks *Hang Tuah* ini, juga berpijak kepada kajian-kajian terdahulu, namun rujukan yang dipakai oleh peneliti ini adalah bandingan teks, struktur teks, dan fungsi teks. Dalam penelaahan bandingan teks, peneliti memberikan pengamatan tentang *Hikayat Hang Tuah* ini adalah antara konvensi dan inovasi, dijelaskan juga bahawa daripada segi tradisi dan pembaharuan *Hikayat Hang Tuah* mengandung sifat-sifat roman moden.

Pernyataan tersebut meliputi pengertian, bahawa teks *Hikayat Hang Tuah* yang panjang dalam bentuk prosa itu mengisahkan seluruh pelaku-pelakunya dengan segala untung malangnya daripada segi kehidupan jiwanya, cita-citanya, jalan fikirannya, sikapnya, dan sepertinya dalam ruang dan waktu tertentu.

Tema pokok teks *Hikayat Hang Tuah* ini, tidak dapat dikatakan peneliti kerana setiap pembaca boleh sahaja memberikan tema, jadi di sini nampaknya peneliti lebih condong memberikan kebebasan pada pembaca, sehingga peneliti menyampaikan bahawa tema *Hikayat Hang Tuah* ini jelas daripada sudut pandangan tertentu. Demikian juga dengan alur ceritanya, dengan peristiwa-peristiwa yang dialami, terutama oleh tokoh utamanya dapat diikuti dengan mudah .

Namun penelitian yang penulis lakukan terhadap karya-karya B. M. Syamsuddin tidak sama dengan yang dilakukan oleh Sulastin Sutrisno, kerana penulis dalam kajian ini langsung menyebutkan tema yang ada daripada karya-karya B. M. Syamsuddin ini.

Berkaitan dengan pendapat Guepin, bahawa setiap roman itu berbeza, tetapi dapat dikenal seperti roman (1977:192) ada dua perkara mengenai sifat umum roman yang dalam *Hikayat Hang Tuah* perlu mendapat perhatian :

1. Peranan tokoh utama yang tidak dimainkan atas namanya sendiri. Sepanjang cerita kita tahu bahawa melalui diri hamba yang setia direka sejarah Melaka . Dengan demikian peranan Hang Tuah lebih luas daripada peranan roman biasa. Hang Tuah mewakili peranan manusia Melayu dalam tanah Melayu yang dicita-citakan.
2. Unsur umum cinta yang dalam *Hikayat Hang Tuah* tidak dapat dengan subur seperti roman-roman lain. Digambarkan dalam roman itu bukan cinta berahi seperti roman-roman lain, melainkan konflik yang boleh jadi timbul akibat cinta itu. Konflik inilah yang menimbulkan ketegangan yang diperlukan dalam setiap cerita .

Sifat-sifat cerita Hang Tuah seperti penulis paparkan di atas membuat pembaca Melayu terlibat langsung di dalam teks tersebut, maksudnya walaupun bentuknya rekaan semata-mata, yang membawa pembaca ke dunia khayal, dunia tidak nyata, namun orang Melayu daripada Sultan sampai hamba dapat menempatkan diri dalam dunia itu. Eksistensi Melayunya nampak lebih nyata dalam rekaan itu, begitu juga dengan masalah manusiawinya dengan jalan tersebut justeru lebih semakin sungguh-sungguh dan nyata.

Hikayat Hang Tuah kaya akan tanda-tanda dan simbol-simbol, maka bertalian dengan itu dapatlah kiranya diambil kesimpulan akhir, bahwasannya *Hikayat Hang Tuah* ini selain mempunyai sifat-sifat tradisional juga mempunyai tuntutan nilai internasional seperti roman. Dengan demikian cerita klasik ini patut mendapat tempat dalam rangka pengembangan ilmu sastera umum dan patut juga dinilai seperti warga sastera dunia.

- M. Syafriadi, 1987. "Tinjauan Unsur-Unsur Intrinsik Dalam Hikayat Tun Bajid". Yang dihimpun Oleh B. M. Syamsuddin". (Skripsi Universitas Riau Pekanbaru)

Pembahasan

Berdasarkan analisis terhadap kajian unsur-unsur intrinsik dalam hikayat Tun Bajid, maka penulis dapat mengambil suatu bandingan struktur dalamnya adalah seperti berikut :

1. Tun Bajid adalah seorang panglima yang arif dan bijaksana yang disenangi dan disegani oleh rakan-rakannya di kerajaan Melaka. Selain itu seperti manusia normal zahir dan batin (tidak mempunyai cacat fizik dan mental) maka Tun Bajid juga mengenal cinta, hal ini dapat dilihat dalam hikayatnya

bahawa Tun Biadjid mempunyai isteri lebih daripada satu, terlepas daripada masalah-masalah keluarga yang dialaminya, maka penulis menetapkan tema daripada hikayat ini adalah cinta dan perjuangan.

2. Perwatakan yang terdapat dalam cerita *Hikayat Tun Biadjid* dilihat cukup komplek terbukti adanya tokoh protagonis dan antagonisnya, perwatakan tokoh inilah yang menimbulkan konflik dalam cerita tersebut. Tun Biadjid berwatak pejuang, berani, jujur dalam menegakkan kebenaran, dan suka menolong teman serta mempunyai fikiran atau akal yang cerdik dan jitu dalam menjalankan siasat perang.

Sementara itu seperti tokoh antagonisnya adalah Sultan Mahmud Syah, pengarang menjadikan Sultan seperti tokoh yang suka mengganggu isteri orang, tidak dapat mengendalikan hawa nafsunya. Selain itu Hang Tuah mempunyai watak yang takluk kepada raja, walaupun perbuatan raja salah namun tetap dibela oleh Hang Tuah, begitu juga watak Tun Arbiyah dan Tun Dewi, digambarkan sebagai perempuan jahat yang selalu berbuat serong dengan orang lain ketika suaminya tiada di rumah.

3. Dilihat daripada segi alur maka *Hikayat Tun Biasid* mempunyai alur maju atau memiliki alur yang kronologis. Hal ini dapat dilihat dengan berurutannya pengarang membuat cerita, sehingga pembaca dapat dengan mudah menangkapnya atau memahaminya.
4. Sistematis hubungan antara tokoh dalam *Hikayat Tun Biasid* menunjukkan tokoh yang bernama Tun Biasid sebagai pelaku utama, kemudian menyusul Sultan Mahmud Syah dan seterusnya. Hubungan Tun Biasid dengan Sultan Mahmud Syah adalah hubungan seorang pemimpin dengan masyarakat bawahannya, maka hubungan mereka hanya sebatas menjalankan tugas dan memberi tugas, bukan ada hubungan darah atau kekerabatan sanak saudara.
5. Set (latar) daripada hikayat ini adalah bertempat di Melaka, Merba, Pulau Rangsang, Bukit Batu, dan Pahang. Perjalanan cerita berkisar daripada set yang sudah penulis sebutkan ini, namun masih ada kampung-kampung kecil yang sengaja tidak penulis sebutkan.
6. Dilihat daripada cara pengarang menyampaikan cerita maka B.M. Syammsuddin menggunakan gaya bahasa *Personifikasi*, *Repetisi*, *Asosiasi*, *Hiperbola*, dan pantun.

Pengarang nampaknya memasukkan pantun disebabkan pantun merupakan salah satu tradisi orang Melayu dalam menyampaikan isi hati dalam bercinta antara bujang dan gadis.

Kajian yang dilakukan peneliti ini hampir sama dengan penulis lakukan, namun peneliti kajian ini hanya melakukan kajian dengan satu roman karya B. M. Syamsuddin iaitu roman dengan tajuk "Tun Bajid" sedangkan penulis mengkaji semua karya-karya B. M. Syamsuddin, baik berupan roman, cerita kanak-kanak (rakyat) mahu pun cerita pendeknya. Ditinjau daripada unsur gaya peneliti mengkaji gaya bahasa yang digunakan pengarang, sedangkan penulis mengkaji gaya pengarang dalam berkarya.

- Yeni Des Indra, 1991 "Estetika Melayu Dalam Cerita Rakyat Daerah Riau" (Skripsi Universitas Lancang Kuning Pekanbaru Riau).

Pembahasan

Dilihat daripada perkembangan ilmu sekarang ini maka para sarjana, terutama sarjana yang berasal daripada Eropah banyak menaruh minat pada seni dan kebudayaan Melayu, terutama dalam bidang seni dan estetika seperti manifestasi karya budaya manusia yang universal.

Kebudayaan Melayu Riau merupakan seperti salah satu kebudayaan di Indonesia, mempunyai kedudukan dan peranan yang sangat penting dalam perkembangan kebudayaan nasional.

Cerita rakyat adalah sebahagian kebudayaan kolektif yang tersebar dan diwariskan turun temurun dalam bentuk lisan mahupun tulisan dengan versi yang berbeza. Cerita rakyat daerah Riau merupakan salah satu aspek kebudayaan daerah Riau yang mengandung nilai-nilai rohani yang sebahagian besar masih hidup dalam masyarakat daerah Riau.

Cerita rakyat ini pada umumnya bergerak sangat lambat sekali sehingga sering tertinggal dibandingkan dengan cerita-cerita moden (*kontemporen*) yang pada dasarnya diciptakan untuk hiburan yang sudah dimodifikasi dan dicetak secara moden pula.

Cerita rakyat sangatlah besar kedudukan dan peranannya, cerita rakyat bukan sahaja hanya bersfungsi seperti alat penghibur tetapi juga seperti alat komunikasi dan media untuk menyampaikan pesan (moral) yang patut diteladani oleh masyarakatnya. Ada tujuh tekanan yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu yang patut diteladani dalam kajian estetik ini.

1. Cerita tersebut menyampaikan pesan, pedoman tentang jalan yang benar.
2. Menyampaikan sindiran yang halus untuk pergaulan sosial
3. Menceritakan tentang perjalanan nasib manusia seperti hamba atau fakir liku-liku suka dukanya.
4. Cerita itu merupakan sentuhan batin bukan sentuhan jasmani yang kasar.
5. Dalam cerita itu, pengarang selalu mencerminkan alam seperti lambang dan kiasan hidup dalam jalannya cerita.
6. Cerita itu selalu mencari keseimbangan dunia dan akhirat, zahir batin, atau bentuk dan isi.
7. Cerita itu selalu diulang dalam konteks yang berlainan dalam suatu daerah.

Bentuk pengungkapan cerita rakyat (sastera lisan) yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu daerah Riau iaitu ungkapan melalui kata-kata, bunyi dan gerak. Cerita rakyat itu dapat atau dinamakan koba, hikayat, nyanyian panjang atau bentuk sastera tutur lainnya, selain isinya yang bernilai luhur, gaya dan penyampaiannya pun merupakan daya pikat yang amat menarik.

Unsur ektrinsik yang dikaji oleh peneliti ini,hanya bertitik tolak pada pendidikan dan nilai moral yang dihubungkaitkan dengan nilai agama Islam sementara kajian ektrinsik yang penulis lakukan bertitik tolak pada sosial budaya yang aspek kajiannya sangat menyentuh masyarakat tempatan.

Kajian yang penulis lakukan akan tergambar tentang kehidupan masyarakat Melayu yang ada di Kepulauan Riau, daripada pada gambaran sosial dan budayanya.

- Enike Suriati, 1998 *Novel Tanah Gersang karya Muchtar Lubis* - “Sebuah Analisis Struktur Dalam” (Skripsi Universitas Riau Pekanbaru)

Pembahasan

Berdasarkan penelitian, maka struktur dalam novel *Tanah Gersang* karya daripada Muchtar Lubis ini mempunyai pola yang agak berbeza daripada novel – novel yang lainnya, untuk lebih jelasnya penulis perturunkan seperti berikut :

1. Mengenai alur, novel *Tanah Gersang* mempunyai alur yang bolak balik, kerana setiap peristiwa pemakaian waktu dalam novel ini tidak berdasarkan urutan waktu yang kronologis, sehingga banyak pembaca yang kurang mengerti akan alur daripada novel ini.
2. Perwatakannya mempunyai variasi yang komplek (berbeza-beza) sebab setiap tokoh yang ditampilkan dalam novel ini memiliki keperibadian yang berbeza-beza

3. Set daripada novel *Tanah Gersang*, nampaknya pengarang sengaja mengambil daerah kelahirannya Sumatera Utara dan perantauannya iaitu Jakarta, Jawa Barat, dan Yogyakarta. Daripada setiap daerah itu pengarang selalu menempatkan suatu peristiwa yang dialami tokoh.
 4. Tema yang dibuat oleh peneliti cukup panjang iaitu tanpa perhatian dan kasih sayang yang benar daripada orang tua membuat anak berbuat kejahanatan. Berdasarkan pengamatan penulis tema daripada novel *Tanah Gersang* ini dapat kita sederhanakan lagi atau kita padatkan dengan : “Kasih Sayang membentuk Watak Anak”.
 5. Dikaji daripada amanat yang ingin disampaikan pengarang, pada pembaca maka dapat dilihat seperti berikut: bahawa di dalam diri setiap manusia tersimpan dua sifat iaitu sifat baik dan sifat jahat, maka orang yang berhasil mendisiplinkan dirinya daripada perbuatan yang jahat maka ia akan menjadi manusia berbudi pekerti.
- Dafis Sari Dewi, 1998 “Analisis Struktur Dan Nilai Moral Dalam Roman salah Pilih Karya Nur Sutan Iskandar” (Skripsi Universitas Riau Pekanbaru).

Pembahasan.

Berdasarkan pengamatan penulis dalam kajian yang bertajuk Analisis Struktur dan Nilai Moral dalam Roman *Salah Pilih* karya Nur Sutan Iskandar ini, maka dapat penulis jelaskan dilihat daripada beberapa masalah iaitu :

Dilihat daripada penggambaran watak daripada masing-masing tokoh dalam roman *Salah Pilih* ini, pengarang menggambarkan secara dramatik, dalam erti kata tidak secara langsung pengarang melukiskan watak tokohnya, dengan cara dialog antara tokoh satu dengan tokoh lain, atau dialog tokoh lain terhadap tokoh utama.

Dalam hubungan sistematis antara tokoh utama dengan tokoh lakunya dalam roman *Salah Pilih* karya Nur Sutan Iskandar menunjukkan adanya interaksi komunikasi (zahir batin), menunjukan adanya hubungan kekerabatan (pertalian keluarga) antara tokoh utama dengan tokoh lainnya . Latar daripada roman ini adalah tanah kelahiran daripada pengarang itu sendiri iaitu Sumatera Barat tepatnya di Minangkabau, yakni daerah Maninjau, Sungai Batang, Bukit Tinggi dan Padang. Latar di luar sumatera iaitu di Pulau Jawa tepatnya di Kota Jakarta.

Amanat yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam roman *Salah Pilih* karya daripada Nur Sutan Iskandar ini adalah seperti berikut: Hendaknya dalam memilih jodoh itu janganlah dipandang daripada sisi luarnya saja, tapi lihatlah daripada budi pekerti, keimanan dan sopan santunnya, bahasa dan tingkah lakunya.

Selain daripada amanat utama juga dapat kita lihat amanat sampingan iaitu: Hendaknya kita menghargai adat ketimuran kita sendiri, memiliki isteri itu harus yang sah oleh agama dan perkahwinan jangan didasari oleh harta. Dalam roman *Salah Pilih* karya Nur Sutan Iskandar ini terdapat nilai moral yang baik dan nilai moral yang buruk.

Nilai moral yang baik dapat kita jadikan panutan atau contoh suri tauladan dalam pergaulan sahari-hari dalam masyarakat. Nilai moral yang buruk adalah nilai moral yang selalu menjadi celaan oleh lingkungan masyarakat .

- Karmila Wati, 2001 “Analisis Struktur Novel Di Kalahkan Sang Sapurba Karya Edi Ruslan Pe Amanreza” (Skripsi Universitas Riau pekanbaru)

Pembahasan

Bertolak daripada hasil analisis peneliti, maka penulis dapat memberikan gambaran bahawa novel *Dikalahkan Sang Sapurba* karya daripada Ediruslan Pe Amanreza Almarhum ini mempunyai adanya upaya daripada pihak pengusaha untuk menguasai masyarakat terhadap apa yang menjadi hak daripada masyarakat itu.

Usaha-usaha yang dilakukan untuk menguasai hak masyarakat tersebut, dilakukan mengatasnamakan kepentingan masyarakat, pada hal sebaliknya, keuntungan yang banyak diperoleh oleh pengusaha tersebut.

Daripada latar belakang, adanya keinginan pihak pengusaha untuk menguasai hak-hak daripada masyarakat dan dilain pihak masyarakat ingin mempertahankan hak-haknya, maka daripada sinilah pengarang menghuraikan peristiwa demi peristiwa dikemasnya menjadi sebuah cerita.

Tema yang diketengahkan dalam novel *Dikalahkan Sang Sapurba* memperlihatkan adanya dominasi tema pada persoalan sosial kemasyarakatan. Masyarakat tradisional yang masih memegang tradisi yang dipadu dengan kepentingan-kepentingan golongan tertentu yang ingin memperoleh keuntungan

tanpa memikirkan hak-hak orang lain. Kalau kita rujuk secara ringkas tema daripada novel *Di kalahkan Sang Sapurba* ini dapat kita sebut seperti berikut: Kerjasama penguasa dan pengusaha dalam menghilangkan tradisi bangsa.

Alur cerita yang dibuat oleh pengarang adalah dengan menggunakan alur lurus, dimana pengarang selalu menyajikan peristiwa secara kronologis sesuai dengan urutan waktu yang berlaku. Nampaknya pengarang menguasai betul permasalahan yang bergejolak dalam masyarakat, sehingga dalam bahagian pertama dan kedua pengarang sengaja memperkenalkan suasana dan letak geografi pada bahagian ketiga sampai kebahagian kelapan sengaja memperkenalkan tokoh.

Bahagian kesembilan sampai kebahagian sembilan belas pengarang memperkenalkan tokoh satu ketokoh lainnya sekaligus mengakibatkan konflik-konflik, sedangkan daripada bahagian dua puluh sampai kebahagian dua puluh dua merupakan bahagian penyelesaian konflik.

Penokohan dalam novel *Dikalahkan Sang Sapurba*, memperlihatkan bahawa tokoh yang baik tidak lagi mesti menjadi tokoh yang menang, bahkan secara nyata disebutkan dan dilihatkan bahawa tokoh yang jahat menjadi tokoh yang menang. Gambaran ini dapat dilihat pada tokoh Trigondo yang mempunyai

watak jahat, egois, tiada bermoral, tiada bertanggung jawab, dan pembohong yang dapat mengalahkan kelompok masyarakat yang mempertahankan hak dan adat istiadatnya.

Seperti mana yang digambarkan dengan tokoh Orang Kaya Gemang yang mempunyai perwatakan teguh pendirian, dan tokoh pucuk-pucuk suku yang mempunyai perwatakan pembela kepentingan masyarakat.

Latar daripada novel *Dikalahkan Sang Sapurba*, merupakan perkampungan Melayu tepatnya di Desa Mahato yang masih memegang teguh adat istiadat dan tradisinya, lokasi transmigrasi Maranti Kabung, dan Kota P. Daripada ketiga tempat latar ini maka peristiwa yang banyak terjadi adalah di Desa Mahato dan Perkampungan Melayu.

1.9. Penutup

Pandangan yang digunakan dalam kajian ini adalah pandangan yang pengkaji ambil daripada para sarjana dan pakar-pakar sastera, baik berupa ide atau kajian, selain itu penulis juga mengadakan temu bual dengan keluarga serta handai taulan daripada pengarang. Buku-buku bacaan yang penulis dapatkan merupakan suatu dukungan yang tidak terhingga dalam menganalisis kajian ini.

Daripada unsur intrinsik penulis mengarah kepada pendapat para sarjana sastera seperti Panuti Sudjiman, Burhan Nurgiyantoro, Atar Semi, Rahmat Djoko Pradopo, Mana Sikana, Umar Yunus, Mursal Esten dan pakar sastera lainnya sepetimana nama buku bacaan dapat dilihat pada kepustakaan.

Kajian ektrinsik pengkaji mengaju pada kajian sosial dan budaya serta membincangkan sekilas masalah ekonomi dan tradisi, maka penulis mengambil pendapat daripada: Umar Kayam (*Seni, Tradisi, Masyarakat* 1981).

DR. Faruk , 1999. (*Pengantar Sosiologi Sastera* Pustaka Pelajar Offset Yogyakarta), U.U, Hamidy, 1993 (*Nilai Suatu Kajian Awal* Bumi Pustaka Pekanbaru Riau), Murti Bunanta, 1998 (*Problematika Penulisan Cerita Rakyat*) Balai Pustaka Jakarta), dan Sohaimi Abdul Aziz, 2001 (*Kesusasteraan Bandingan, Perkembangan, Pendekatan, Praktis* Yeohprinco SDN.BHD. Selangor Darul Ehsan) serta pakar-pakar antropologi dan sosiologi, ditambah dengan pendekatan lainnya. Teoritis ini dapat membantu penulis dalam menyelesaikan kajian ini.

Setelah pengkaji memaparkan dasar penulis dalam mengadakan penelitian ini, maka penulis akan melanjutkannya lagi pada bab-bab berikutnya iaitu Bab II yang melingkupi kajian pandangan dalam analisis intrinsik dan

ektrinsik. Pada bab I ini penulis telah memaparkan tentang alasan penulis dalam mengkaji karya-karya B. M. Syamsuddin ini.

Pembuktian dalam kajian ini dapat disimpulkan sesuai dengan apa yang terdapat dalam, latar belakang kajian, batasan kajian, rumusan kajian, dasar pandangan dan kerangka kajian, asumsi dan hipotesis, tujuan kajian, semuanya telah pengkaji jelaskan.

Dasar pandangan penulis dalam kajian ini adalah mengambil pendapat daripada pakar-pakar sastera yang telah banyak melahirkan ide serta pendapat baru dalam kajian sastera. Berdasar daripada inilah penulis akan meneliti kajian dengan tajuk “Karya-Karya B. M. Syamsuddin Satu Analisis Intrinsik dan Ektrinsik”.